



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Awasi kanak-kanak layari internet

**P**ADA hari ini, anak-anak seawal umur tiga tahun lebih celik teknologi maklumat berbanding celik huruf. Bagaimana untuk memastikan anak-anak ini selamat melayari internet?

- **WADI, UK.**

Saya bersetuju dengan pernyataan itu yang merupakan satu realiti berlaku pada hari ini. Internet seumpama sebilah pisau yang boleh mendatangkan mudarat atau manfaat. Jadi, sangat penting untuk ibu bapa mengawal dan memantau penggunaan internet di kalangan anak-anak. Saidina Umar Al-Khatib, khalifah Islam yang ke-3 pernah menyampaikan nasihat yang lebih kurang bermaksud, didiklah anak-anak itu sesuai dengan zamannya.

Seterusnya dibincangkan beberapa langkah yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak dapat melayari internet dengan selamat.

**1.** Kita sering berpesan kepada anak-anak supaya tidak melayari sesiapa yang tidak kenal kerana dikhuatiri orang tersebut berniat jahat. Perkara yang sama perlu dididik kepada anak-anak, tentang berhati-hati dengan sesiapa sahaja yang tidak dikenali dalam dunia siber.

**2.** Buat satu nasihat dan panduan untuk anak-anak dalam perkara yang boleh dan tidak boleh ketika melayari Internet. Berikan sebab dan kesan buruk bagi perkara yang tidak boleh.

**3.** Buat konfigurasi kawalan untuk kanak-kanak pada perisian tertentu seperti pelayar web, aplikasi pada Router Internet, sistem pengoperasian dan lain-lain.

**4.** Buat dengan segera dan secara kerap mengemas kini atau *patch* kelemahan dan keselamatan setiap perisian yang digunakan terutama untuk pelayar web, sistem pengoperasian, perisian antivirus dan lain-lain.

**5.** Pastikan perisian keselamatan seperti perisian anti-virus, tembok api dan sebagainya berfungsi dengan baik dan sentiasa dikemas kini.

**6.** Buat penjadualan dan hadkan masa untuk anak-anak melayari internet. Perkara ini boleh dibuat secara automatik atau menerusi sistem terutama pada konfigurasi penghalang atau Router internet.

**7.** Buat simpanan log bagi segala jejak capaian web dan lalu lintas Internet dalam komputer untuk pemantauan dan boleh dilakukan secara automatik pada aplikasi terutama terutama pada penghalang Internet.

**8.** Konfigurasikan aplikasi enjin carian dan mana-mana laman web popular seperti aplikasi Youtube, Google dan lain-lain kepada mod selamat atau *Safe Search*.

**9.** Penggunaan aplikasi DNS (*Domain Name System*) yang mesra keluarga seperti aplikasi *Open DNS Family Shield* dan lain-lain.

**10.** Buat pemantauan yang kerap dan konfigurasi keselamatan yang ketat bagi penggunaan capaian Internet tanpa wayar.